

**INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KAJIAN SEMAKAN SEMULA INSTRUMEN KOMPETENSI
PEMIMPIN SEKOLAH (KOMPAS)**

**Ketua Puast
Hjh. Nor Asiah Binti Ibrahim**

**Ketua Jabatan
En. Salihin Bin Mat Saat**

**Penulis Utama
Dr. Nor Foniza Maidin**

**Penulis Bersama
Dr. Tarzimah Thambychik**

Kumpulan Penyelidik

Dr. Nor Foniza binti Maidin
Tuan Haji Mohd Yusof bin Ali
Dr. Hjh. Tarzimah binti Hj. Tambychik
En. Kamalludin bin Abd Rani

Penghargaan
Hj. Abdul Razak Bin Manaf
Hj. Abd Jalil bin Abd Hamid

**JABATAN PENTAKSIRAN PEMIMPIN PELAPIS (JPPP)
PUSAT PENTAKSIRAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN**

ABSTRAK

Kajian ini melibatkan dua (2) fasa iaitu analisis data sekunder KOMPAS dan pembangunan kompetensi baharu selari dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Kajian fasa pertama menggunakan data sekunder KOMPAS sedia ada yang terdiri daripada enam domain dan melibatkan dua puluh enam kompetensi. Penyelidik juga menganalisis data sekunder untuk mengesahkan kerelevanan domain dan kompetensi sedia ada. Penyelidik juga menganalisis data sekunder untuk mengesahkan kerelevanan domain dan kompetensi sedia ada. Data KOMPAS ini diisi oleh PGB setiap tahun sebagai analisis keperluan untuk pihak IAB membuat perancangan kursus. Oleh itu penyelidik telah menggunakan data tahun 2015 sebagai asas analisis. Analisis faktor mengkelompokkan item kepada 4 domain berbanding 6 domain asal. Oleh yang demikian, penyelidik membuat keputusan untuk meneruskan semakan semula pada fasa dua (2). Fasa 2, melibatkan penerokaan kompetensi baharu pemimpin sekolah mengikut keperluan masa kini dan akan datang. Dua siri perbincangan percambahan minda bersama kumpulan berfokus melibatkan PGB cemerlang dan berpengalaman, pegawai-pegawai JPN, PPD dan KPM untuk bagi mendapatkan kompetensi dan menghasilkan satu instrumen kompetensi baharu berasaskan KOMPAS asal. Indeks persetujuan melebihi (inter-rater agreement) 0.70 terhadap item kompetensi baharu yang didapati pada siri perbincangan ketiga, membolehkan item kompetensi baharu dirintis. Selepas rintis, 121 item kompetensi baharu ditadbirkan kepada 525 orang PGB di Semenanjung Malaysia. Hasil faktor analisis mendapat terdapat lima domain iaitu Hala Tuju Pencapaian; Sumber Operasi; Mengurus Perubahan; Hubungan dan Kualiti Peribadi yang relevan. Di samping itu, terdapat 13 kompetensi baharu iaitu Pematuhan Dasar; Menterjemah Visi; Berfokus Kemenjadian Murid; Instruksional berfokus Kurikulum; Pemantauan menyeluruh; Berfokus Data; Mengurus ICT; Membudaya Keusahawanan; Mengurus risiko; Menyelidik; Jaringan dan Jalinan Hubungan luar; Nilai Tingkah laku Personel; Kesedaran Mengurus Kendiri dan Sosial merupakan keperluan kepada PGB masa kini serta untuk masa hadapan. Dimensi dan kompetensi baharu yang didapati dijadikan asas kepada KOMPAS versi 2.0.

BAB 1

1.0 PENGENALAN

KOMPAS merupakan satu instrumen yang disediakan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB) bagi mendapatkan profil kompetensi pengetua dan guru besar. Berdasarkan profil kompetensi ini, keperluan pembangunan professional pemimpin sekolah yang terdiri daripada pengetua dan guru besar boleh dikenal pasti. Menurut Amin et al. (2008), kompetensi pemimpin sekolah yang dinyatakan dalam KOMPAS adalah gabungan enam domain kompetensi yang diperlukan oleh pemimpin sekolah Malaysia berdasarkan dapatan kajian oleh IAB. Kompetensi perlu dikenalpasti kerana ia adalah asas bagi pengurusan yang efektif (Rothwell 2010). Kompetensi merupakan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan dalam melaksanakan tugas dengan efektif (Boyatzis, 2011; Gentry et. Al. 2013). KOMPAS yang dibangunkan oleh IAB pada tahun 2008 membantu pemimpin sekolah mengetahui dengan tepat pembangunan latihan dan professional yang diperlukan. Selain itu, perancangan pembangunan professional pemimpin sekolah mengikut keperluan individu boleh dilaksanakan di peringkat IAB, jabatan atau daerah negeri masing-masing dengan memanfaatkan profil kompetensi KOMPAS. Namun, persoalannya, adakah kompetensi pemimpin sekolah yang dibangunkan tahun 2008 masih relevan dengan keperluan semasa atau mungkinkah terdapat kompetensi baharu yang diperlukan oleh pemimpin sekolah pada masa kini kerana pendidikan adalah dinamik dan kebelakangan ini berlaku transformasi pendidikan untuk keperluan masa hadapan?

Menurut Tanner dan Tanner (2007),

“...curriculum as that reconstruction of knowledge and experience that enable learners to grow in exercising intelligent control of subsequent knowledge and experience.”

Merujuk kepada pernyataan ini, KOMPAS adalah sebahagian daripada kurikulum yang merupakan satu konstruk dalam membina semula ilmu dan kemahiran dalam pembangunan individu bagi menggerakkan kecerdasan pengetahuan dan pengalaman secara berterusan. Pemahaman ini adalah sejajar dengan pelaporan disiplin kurikulum Hilda Taba (1962), yang mendefinisikan kurikulum dalam empat (4) elemen iaitu;

- i) Penyataan tujuan dan objektif
- ii) Menyusun isi kandungan
- iii) Manifestasi pola pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan
- iv) Program penilaian terhadap hasil

Profil kompetensi KOMPAS merupakan penilaian terhadap sumber manusia yang dibangunkan melibatkan kompetensi sebagai pengorganisasian isi kandungan. Maka, jelas dan nyata menunjukkan bahawa tujuan KOMPAS adalah sebahagian daripada kurikulum dalam membangunkan pemimpin sekolah di Malaysia. Sehubungan itu juga, kajian awal terhadap keperluan penilaian dan semakan KOMPAS melalui pendekatan penilaian kurikulum boleh dijadikan laluan bagi menjawab persoalan yang diutarakan.

1.1 Rasional Kajian

Menurut Tyler (1945), bapa kurikulum, kurikulum dibangunkan berasaskan keperluan. Menurut beliau, keperluan ini dinilai daripada aspek keperluan individu murid atau pelajar, keperluan masyarakat dan keperluan subjek itu sendiri. Dalam era pendidikan yang dinamik, sudah pasti keperluan individu, masyarakat dan subjek akan berubah mengikut keperluan semasa. Oleh itu, penjajaran kurikulum terhadap keperluan semasa adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian.

Penjajaran kurikulum terhadap keperluan telah terlebih dahulu diakui oleh ramai ahli kurikulum. Oliva (2005) menyatakan bahawa tiada satupun kurikulum yang akan mencapai status sempurna yang dapat memenuhi keperluan semua individu

secara terkini, kerana manusia dan masa itu adalah sesuatu yang dinamik. Justeru, penilaian terhadap keperluan perlu dilaksanakan secara berfasa sekurang-kurangnya setiap lima tahun dengan sekurang-kurangnya pemurnian yang minor. Ini adalah kerana penilaian terhadap keperluan itu adalah suatu aktiviti yang berterusan bagi memastikan kurikulum adalah relevan dengan keperluan semasa dan terkehadapan bagi keperluan masa hadapan. KOMPAS yang dibangunkan lapan (8) tahun dahulu belum pernah lagi dibuat penilaian semula. Oleh itu, usaha ke arah mengkaji semula KOMPAS adalah dilihat sebagai sesuatu yang perlu.

Model asas kurikulum mengkonsepsikan empat (4) komponen iaitu tujuan kurikulum; objektif kurikulum; organisasi dan pelaksanaan kurikulum serta penilaian kurikulum. Merujuk penilaian kurikulum berterusan bagi semakan kurikulum, penilaian boleh dilaksanakan di mana-mana komponen model kurikulum tersebut. Penilaian kurikulum boleh dilaksanakan sekiranya terdapat persoalan terhadap ruang cakup, relevansi, keupayaan memenuhi keperluan, urutan dan kesinambungan kurikulum (Oliva 2005). Semakan semula kurikulum boleh dilaksanakan sekiranya terdapat perubahan dari mana-mana aspek isi kandungan, keberhasilan pengkaedahan, rujukan, permintaan, maklum balas keperluan dan perkembangan serta perubahan teknologi (UITM 2016). Kehadiran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, dalam mentransformasikan pendidikan jelas menunjukkan terdapat perubahan dan perkembangan dalam pendidikan. Hal ini menuntut penilaian dan semakan semula kepada kurikulum sedia ada termasuklah KOMPAS kerana KOMPAS merupakan atas rekabentuk latihan bagi kepimpinan sekolah di Malaysia.

Merujuk Minit Mesyuarat Semakan Kurikulum 2012, agenda 1.2 merupakan punca kuasa semakan kurikulum dilaksanakan setiap lima (5) tahun. Menurut Terma Rujukan Jawatankuasa Semakan Kurikulum Latihan IAB, penubuhan jawatankuasa semakan kurikulum adalah untuk memastikan kurikulum latihan IAB berkualiti dan relevan dengan perkembangan semasa. Antara fungsinya adalah memastikan kurikulum latihan IAB menepati mandat organisasi sebagai pusat pembangunan kepemimpinan dan pengurusan pendidikan. Sejajar dengan perkembangan keperluan pendidikan yang sangat dinamik kini, Mesyuarat Khas Semakan Kurikulum Bertarikh 12 Ogos 2015 telah memutuskan bahawa julat masa bagi semakan kurikulum telah

diubah daripada setiap lima (5) tahun kepada setiap tiga (3) tahun. Keputusan ini jelas menunjukkan keperluan untuk penilaian dan semakan semula KOMPAS.

Walaupun tuntutan bagi penilaian dan semakan semula KOMPAS adalah agak jelas, namun ketelitian ke arah langkah ini perlu diberi perhatian yang serius kerana tindakan ini memberi implikasi terhadap pembangunan latihan kepemimpinan di Malaysia. Oleh itu, kajian awal terhadap keperluan untuk mengkaji semula KOMPAS perlu dilaksanakan terlebih dahulu untuk mendapatkan asas dan justifikasi bagi kajian penilaian dan semakan semula KOMPAS.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini merupakan kajian awal berbentuk analisis keperluan yang bertujuan untuk mengkaji keperluan bagi melaksanakan penilaian dan semakan semula KOMPAS.

1.2.1 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenalpasti samada dimensi kompetensi pemimpin sekolah KOMPAS yang dibina masih relevan dengan keperluan semasa pemimpin sekolah.
2. Meneroka kompetensi pemimpin sekolah yang baharu seiring dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

1.2.2 Persoalan Kajian

Kajian cuba menjawab dua (2) persoalan seperti berikut:

1. Adakah dimensi kompetensi pemimpin sekolah KOMPAS masih relevan dengan keperluan semasa pemimpin sekolah?
2. Apakah kompetensi baharu seiring dengan keperluan semasa dan masa hadapan yang diperlukan oleh pemimpin sekolah ?

1.3 Kerangka Kajian

Kajian ini melibatkan semakan semula KOMPAS sedia ada. Semakan dilaksanakan untuk menilai dan menyemak semula samada domain dan kompetensi KOMPAS 2008 masih menepati keperluan kepemimpinan sedia ada dengan perkembangan pendidikan masa kini dan hadapan selaras Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Terdapat dua (2) fasa kajian iaitu analisis data sekunder KOMPAS dan pembangunan kompetensi baharu selari dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Kajian fasa pertama menggunakan data sekunder yang di peroleh daripada sistem IAB berdasarkan semakan keperluan kompetensi oleh Pengetua dan Guru Besar (PGB). Data KOMPAS ini diisi oleh PGB setiap tahun dan digunakan sebagai analisis keperluan oleh pihak IAB dalam membuat perancangan kursus. KOMPAS sedia ada terdiri daripada enam domain dan melibatkan dua puluh enam kompetensi berasaskan 100 item yang dipaparkan dalam Web IAB. Penyelidik menganalisis data sekunder tahun 2015 untuk mengesahkan kerelevanan domain dan kompetensi sedia ada.

Fasa 2, melibatkan penerokaan kompetensi baharu mengikut keperluan masa kini dan akan datang pemimpin sekolah. Penerokaan melibatkan perbincangan bersama kumpulan berfokus yang terdiri PGB cemerlang dan berpengalaman, pegawai-pegawai JPN, PPD dan KPM untuk percambahan minda bagi mendapatkan kompetensi baharu seiring dengan keperluan semasa dan masa hadapan. Rintis dan pentadbiran kompetensi baharu kepada PGB akan menyatakan dimensi kompetensi yang baharu.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

1.4 Batasan Kajian

Kajian dibataskan kepada data yang terdapat dalam sistem maklumat IAB bagi melihat semula kompetensi dalam KOMPAS sedia ada dan data yang dikumpulkan daripada pemimpin sekolah di Semenanjung Malaysia untuk mengkaji item baharu kompetensi pemimpin sekolah.

1.5 Rumusan

Bab ini merumus keperluan kajian semakan KOMPAS 2008 selaras dengan keperluan kompetensi pemimpin abad ke 21 yang mendokong Anjakan ke-5 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu pemimpin berkualiti. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) setiap sekolah akan mempunyai pengetua/guru besar berprestasi tinggi yang sentiasa gigih dalam matlamatnya untuk meningkatkan keberhasilan murid, dari segi akademik dan bukan akademik. Oleh demikian semakan KOMPAS yang menjadi asas sebagai analisis keperluan latihan pemimpin sekolah perlu dikaji semula.

Bab 2

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pengetua sebagai peneraju sekolah mempunyai tugas dan tanggungjawab mengurus dan memimpin sebuah sekolah. Ini amatlah kompleks dan mencabar bagi melahirkan pendidikan berkualiti dan sekolah berkesan (Institut Aminuddin Baki, 2010). Persiapan kompetensi pengetua yang mantap membolehkan pengetua menggabungjalinkan sembilan bidang fungsian iaitu pengurusan kurikulum, pengurusan kokurikulum, pengurusan hal ehwal murid, pengurusan kewangan, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dan pengurusan perhubungan luar dalam mencapai matlamat sekolah. Dalam mencapai tuntutan yang semakin mencabar, pengetua sekolah hendaklah mempunyai kompetensi kepimpinan yang pelbagai (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Menurut Ibrahim Barjunid (2000) pengetua merupakan orang yang bertanggungjawab membawa sekolahnya ke arah kejayaan dan Ishak Sin (2006) menegaskan bahawa sekolah yang maju ditadbir oleh pengetua yang cekap. Pengetua boleh dianggap sebagai individu yang menentukan matlamat, menjadi penyampai, penggerak, penggalak, penyokong, penyelaras, pembimbing, penilai, pengurus, pembekal maklumat dan suri teladan dalam melaksanakan perubahan di sekolah (Razak, 2001). Oleh yang demikian amatlah penting bagi seorang pemimpin mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang membolehkan beliau melaksanakan kepelbagaian tugas agar organisasinya terus cemerlang.

2.2 Kepimpinan

Kepimpinan adalah keupayaan mempengaruhi anggota organisasi serta pemegang taruh yang pelbagai ke arah pencapaian visi dan matlamat organisasi. Pengurusan adalah sebahagian penting kepimpinan. Pemimpin berkesan mendekati perkara-perkara pengurusan teknikal dengan membuat penyesuaian kaedah walaupun pengurusan adalah memastikan organisasi berjalan dengan lancar mengikut proses dan

prosedur yang ditetapkan. Kepimpinan adalah "berjaya" apabila ia menjadi penting dan memberi sumbangan positif kepada kemajuan organisasi, dan beretika iaitu menyokong dan memudahcara.

2.3 Kompetensi

Kompetensi adalah keupayaan untuk mengaplikasi atau menggunakan satu set pengetahuan yang berkaitan, kemahiran, dan kebolehan untuk melaksanakan "fungsi kerja kritikal" atau tugas dalam persekitaran kerja yang ditetapkan. Kompetensi merupakan gabungan pengetahuan kemahiran, kebolehan, dan tingkah laku yang boleh diukur atau diperhatikan sebagai faktor kritikal kepada kejayaan prestasi kerja individu. Memilih kompetensi yang sesuai membolehkan majikan merancang, menyusun dan membangunkan tingkah laku tenaga pekerja organisasi. Menurut Spencer & Spencer (1993) kluster pengetahuan meliputi kompetensi pemikiran analitikal, pemikiran konseptual dan kepakaran teknikal atau pengurusan atau profesional.

Pemikiran analitikal adalah kemampuan memahami situasi atau melihat implikasi suatu situasi secara terperinci. Ini bermaksud kemampuan berfikir secara analitis dan sistematik suatu perkara yang kompleks. Pemikiran konseptual pula memahami suatu situasi dengan menempatkan setiap bahagian kecil untuk mendapatkan gambaran yang lebih besar. Kemampuan melihat pola atau hubungan antara situasi dan perkaitannya dalam keadaan yang kompleks. Kompetensi juga melibatkan kepakaran dalam bidang tugas sama ada teknikal, profesional atau pengurusan yang tidak statik tetapi sentiasa bermotivasi untuk memperluaskan, memanfaatkan dan mengupayakan orang lain berkaitan pengetahuan tersebut.

Kerangka kompetensi adalah untuk menentukan keperluan kemahiran dan pengetahuan satu pekerjaan yang terdiri daripada beberapa koleksi kecekapan yang menentukan kejayaan prestasi sesuatu kerja. Model kompetensi digunakan secara meluas dalam perniagaan untuk menentukan dan menilai kepakaran di dalam organisasi melibatkan kemahiran insaniah dan teknikal. Pemetaan kompetensi ialah proses mengenal pasti kecekapan utama untuk jawatan tertentu dalam sesebuah

organisasi, dan seterusnya digunakan untuk membuat penilaian prestasi, pengambilan pekerja, latihan dan pembangunan, pengurusan prestasi, perancangan penggantian, dan lain-lain.

2.4 Kompetensi Pemimpin

Kompetensi pemimpin adalah kemahiran dan tingkah laku kepimpinan yang menyumbang kepada prestasi yang tinggi. Kompetensi kepimpinan memberi kesan kepada prestasi organisasi kerana ia berkait rapat dengan kebolehan melaksanakan suatu tugas atau menyempurnakan suatu tanggungjawab. Kepimpinan yang menggunakan pendekatan berdasarkan kompetensi membantu organisasi mengenal pasti dan membangunkan generasi pemimpin akan datang yang lebih baik. Kompetensi asas kepimpinan telah dikenalpasti melalui penyelidikan, namun tren dan strategi perniagaan masa hadapan memerlukan pembangunan kompetensi yang baharu (SHRM, 2008). Oleh yang demikian kompetensi kepimpinan adalah bergantung kepada situasi semasa mengikut konteks. Menurut Keith Davis (2005), terdapat 2 faktor utama mempengaruhi prestasi individu iaitu keupayaan dari sudut pengetahuan, pengalaman dan kemahiran serta motivasi kerja yang dipengaruhi oleh sikap individu. Oleh itu, hasil kerja yang baik diukur dari sudut kualiti dan kuantiti berdasarkan standard tugas yang ditetapkan. Pemimpin atau individu seperti ini merupakan aset kepada organisasi yang sentiasa akan mempertingkatkan keupayaan diri dan produktiviti organisasi. Justeru pembangunan profesionalisme pemimpin perlu dirancang secara sistematik.

Kepimpinan merupakan kompetensi yang berhubung dengan memimpin organisasi untuk mencapai visi dan misi organisasi. Kompetensi ini meliputi kepemimpinan berwawasan, strategis, keusahawanan, memimpin perubahan, membangun komitmen dan fokus organisasi yang melibatkan ketrampilan individu.

2.5 Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia

Kompetensi pemimpin adalah bertujuan memastikan pemimpin dipimpin dengan cemerlang. Oleh yang demikian pihak IAB telah melaksanakan satu kajian keperluan melibatkan semua pihak yang berkaitan dengan pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Dua kriteria iaitu tahap penguasaan dan keperluan koperasi dikenalpasti berdasarkan maklumbalas pengetua dan guru besar. Kajian pada tahun 2008 mendapati seorang pemimpin harus mempunyai kompetensi dalam enam domain iaitu Dasar dan Hala Tuju; Instruksional dan Pencapaian; Mengurus Perubahan dan Inovasi; Sumber dan Operasi; Hubungan sesama Manisia; dan Keberkesanannya Kendiri melibatkan 26 kompetensi (IAB, 2010) dalam rajah 2.1



Rajah 1: Kompetensi Pemimpin Sekolah Malaysia

i. Dasar dan hala tuju

Dalam menetapkan dasar dan hala tuju sekolah, kompetensi seorang pengetua dilihat dari sudut visi yang diterjemahkan kepada strategi untuk merealisasikannya dan bagaimana visi itu dikongsi bersama-sama antara pengetua dengan guru, staf dan semua murid. Pengetua menentukan objektif dan merancang strategi bagi mencapai matlamat tersebut. Penetapan hala tuju ini memerlukan pengetua memiliki pengetahuan yang tepat berdasarkan persekitaran seperti lokasi sekolah, latar belakang ibu bapa dan pelajar, sumber manusia (guru dan staf), kewangan, amalan dan budaya sekolah, reputasi akademik dan kurikulum. Pemimpin menggunakan kemahiran pemikiran strategik dan proaktif dalam menetapkan matlamat strategik organisasi ini dengan berfokuskan kualiti dengan mengambil kira nilai sejagat. Pemimpin hendaklah mempunyai pemikiran yang strategik bagi merancang, mengelola, memimpin dan mengawal program di sekolah.

ii. Instruksional dan pencapaian

Kepimpinan Instruksional pengetua di sekolah berkesan menekan aspek-aspek seperti memberikan penekanan terhadap pencapaian pelajar dalam bidang akademik, menyusun dan memantapkan strategi pengajaran, menyedia dan mengekalkan suasana kondusif di sekolah, kerap menilai pencapaian akademik pelajar, menyelaras program pengajaran serta membantu dan memberikan semangat kepada guru (Shahril Marzuki, 2000). Pemimpin Instruksional perlu memantau serta berbincang dengan guru dan pelajar mengenai isu-isu dan masalah pembelajaran dan memberi galakan, pujian dan insentif kepada guru-guru yang menunjukkan komitmen dan tanggungjawab dalam memajukan sekolah. Pengetua dikehendaki menghayati dan menguasai kompetensi kepimpinan Instruksional iaitu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam membangunkan pembelajaran berfokuskan kurikulum serta membuat penyeliaan dan perkongsian ilmu bagi membangunkan profesionalisme guru-guru berorientasi pencapaian. Adalah penting bagi setiap pemimpin sekolah mempunyai pengetahuan, nilai profesional dan kemahiran melaksanakan amalan terbaik dalam bidang yang ini.

iii. Mengurus perubahan dan Inovasi

Organisasi merupakan satu entiti yang memerlukan perubahan bagi membolehkannya hidup, membangun dan berkembang. Kegagalan bertindak atau melakukan perubahan bermakna menempah kegagalan dan memendekkan jangka hayat organisasi (Aziz, 2000). Oleh itu, pemimpin sekolah perlu menghadapi perubahan yang berlaku secara berterusan dalam pentadbiran, organisasi kerja, proses pengajaran dan teknologi, perkhidmatan, tuntutan masyarakat, dasar dan sebagainya. Ini menuntut pemimpin yang kompeten dalam mengharungi segala perubahan dengan mengenalpasti keperluan semasa, membuat keputusan terbaik dalam membuat penambahbaikan. Pemimpin juga perlu kreatif dalam mencipta alternatif untuk kemajuan organisasi. Pemimpin yang kompeten akan membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab atas keputusan yang dibuat.

v. Hubungan sesama Manusia

Elemen utama yang mengerakkan organisasi ialah manusia yang tertakluk kepada sistem, prosedur dan proses yang dibina. Kompetensi pengetua dalam memimpin sekolah adalah kemahirannya membina pasukan yang mampu bekerja secara kolaboratif untuk kemajuan sekolah. Pemimpin harus membina kepercayaan dan mengupayakan kepimpinan dalam membangun dan mendorong staf mencapai matlamat yang sama. Hubungan sesama manusia yang dibina atas dasar kepercayaan memudahkan pemimpin menggunakan keupayaannya untuk membina pasukan dan berkongsi kepimpinan dalam kalangan guru-guru. Hubungan interpersonal yang baik akan menggerakkan warga sekolah secara berkumpulan kearah matlamat akhir yang ditetapkan (Kamaruzaman Moidunny, 2012). Hubungan yang baik antara individu dalam kalangan warga sekolah perlu ditingkatkan agar sekolah menjadi cekap dan berkesan.

Sekolah sebagai sebuah organisasi juga tidak dapat dipisahkan daripada hubungan dengan komuniti terutama ibubapa, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Pemimpin sekolah perlu ada kompetensi membina jalinan dan jaringan dengan pelbagai institusi untuk membantu membangunkan sekolah daripada pelbagai sudut. Kemahiran berkomunikasi dan menjalinkan hubungan dengan pihak luar merupakan satu kemahiran yang perlu ada pada pemimpin sekolah. Pemimpin juga perlu ada kemahiran bekerja secara sepasukan dan mampu membangun kapasiti subordinatnya agar organisasi terus membangun.

v. Sumber Operasi

Pengurusan sumber memberi penekanan kepada pengurusan kewangan, aset, fizikal, ICT dan prestasi bagi menyokong program pendidikan agar berjalan dengan lancar dan kondusif serta memajukan sekolah. Pemimpin sekolah selaku pengurus sumber-sumber ini seharusnya mempunyai strategi pemasaran untuk mewujudkan kitaran merancang pembelian dan membaik pulih dan mengganti bahan dan peralatan serta memikirkan sumber dana dalaman dan luaran mengikut prosedur yang ditetapkan. Oleh itu, pemimpin sekolah mesti ada pengetahuan dan kemahiran untuk mengendalikan kewangan, aset, persekitaran dan sumber manusia di sekolah masing-masing, selain membina jaringan dengan pihak luar untuk menyokong pengurusan sumber. Dalam dunia canggih berdasarkan teknologi dan berdasarkan pengetahuan, pemimpin perlu mempertingkatkan diri agar dapat bersaing dalam dunia tanpa sempadan. Pemimpin perlu ada kesedaran tentang perkembangan teknologi maklumat dan impaknya keatas individu dan masyarakat serta mempunyai kompetensi komputer (Mason & McMorrow, 2006). Perez dan Murray (2010) menyatakan literasi ICT merangkumi kemahiran kognitif dan mengaplikasi pengetahuan.

vi. Keberkesanan kendiri

Kebanyakan pengetua memiliki ciri kualiti peribadi tertentu yang membuatkan mereka diterima sebagai pengurus dan pemimpin sekolah. Antaranya bertanggungjawab,

bersikap terbuka, prihatin, penyayang dan mesra. Ciri peribadi yang turut dinyatakan adalah berwawasan, akauntabiliti, konsisten, bermotivasi, berupaya menghadapi tekanan, keyakinan diri, inovatif, prihatin, proaktif, penyayang, empati, keterlihatan, ktrampilan sebagai penyelesai masalah, keadilan, cekap, toleransi, komited, kreatif, bekerjasaman, rajin, berfikiran tajam, integriti, sikap terbuka, mesra, dan sikap menghargai orang lain (Bity et. All, 2010). Keberkesanan kendiri ini akan mengukuhkan kompetensi pengetua dalam mengurus sekolah dan menangani cabaran atau masalah yang dihadapi.

Kompetensi kepimpinan ini perlu dikuasai oleh kepimpinan organisasi agar organisasi dapat membawa visi dan misi yang dituju serta mencapai objektif organisasi dengan cemerlang dan berkesan. Kompetensi pengetua dalam semua aspek ini perlu dalam melaksanakan tugas di sekolah meliputi kurikulum, kokurikulum, sahsiah, pembangunan guru, kepimpinan dan kemajuan sekolah amatlah penting dalam memastikan sekolah sentiasa dapat dipacu ke arah kejayaan dan kecemerlangan sesuai dengan era globalisasi. Pengetua yang tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tepat dan pasti, menjadi kesukaran buat mereka melonjakkan kecemerlangan sekolah ke tahap yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang.

2.6 Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia

Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) telah digubal berteraskan kepada Rukun Negara, Wawasan 2020, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta berlandaskan teori-teori yang berkaitan pendidikan kini. Standard ini mempunyai sembilan bidang tugas iaitu pengurusan dan kepimpinan organisasi, pengurusan akademik, kokurikulum, hal ehwal murid, pengurusan pentadbiran pejabat, kewangan dan aset, pengurusan persekitaran dan fizikal, pembangunan sumber manusia dan hubungan luar. SKKSM adalah garis panduan bagi meningkatkan profesionalisme PGB dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Walau bagaimanapun beberapa ciri lain penting dalam meningkatkan lagi kepimpinan pengurus sekolah. Antaranya kualiti

peribadi, pengetahuan teori dan amalan serta kemahiran yang akan mengupayakan sekolah. Menurut Ebmeier (2003), Pemimpin sekolah mempengaruhi pencapaian murid, sikap guru dan budaya sekolah melalui kecekapan pengurusan, kepakaran pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran komunikasi mereka.

2.7 Model-model pembangunan pemimpin sekolah

Kepimpinan yang berkesan adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi. Ini bermaksud pemimpin adalah individu penting dalam memikul tanggungjawab dalam menghadapi pelbagai tugas pentadbiran, cabaran dan isu-isu harian serta memastikan matlamat tercapai dalam garis waktu yang ditetapkan, namun kepimpinan seringkali dilihat sebagai satu konsep yang abstrak. Oleh yang demikian, amat penting untuk membina amalan kepimpinan sendiri yang melibatkan pengetahuan, kemahiran khusus dan pemahaman dengan mengadaptasikan pendekatan kepimpinan berkesan.

a. Model Kompetensi Kepimpinan KIPP

Model Kompetensi Kepimpinan KIPP adalah berasaskan secara empirikal dan berasaskan penyelidikan. Model dicipta berasaskan pengalaman praktikal pemimpin KIPP yang berprestasi tinggi di semua peringkat dan mereka di Yayasan KIPP yang bekerjasama dengan para pemimpin. Melalui perbincangan dan temu duga kumpulan berfokus, pemimpin mengemukakan perspektif mengenai kecekapan yang paling penting untuk mencapai keberkesanannya. Model ini disahkan oleh kumpulan fokus dengan menyediakan contoh-contoh khusus peranan setiap tingkah laku utama dalam model. Seterusnya agak ketara apabila penyelidikan dalam bidang organisasi, perniagaan, dan pendidikan menunjukkan kompetensi dan kelakuan berkait rapat dengan keberkesanannya kepimpinan, pengurusan dan pencapaian pelajar. Penyelidikan juga membantu menentukan keutamaan kecekapan dan struktur tingkah laku utama berasaskan kemahiran dalam kompetensi yang telah dikenalpasti.

b. Rangka kerja Kepimpinan Ontario (OLF)

Rangka kerja kepimpinan Ontario direka bertujuan untuk

- memandu kearah perkongsian visi bersama kepimpinan di sekolah dan daerah
- memupuk pemahaman kepimpinan yang sama dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin sekolah atau pemimpin sistem
- mengenal pasti amalan, tindakan dan sifat atau ciri peribadi yang menggambarkan kepimpinan yang berkesan
- membimbing dalam reka bentuk dan pelaksanaan pembelajaran pembangunan profesionalisme pemimpin sekolah dan sistem
- mengenal pasti ciri-ciri sekolah dan sistem yang berprestasi tinggi - Sekolah K-12 Rangka Kerja Keberkesanan (SEF) dan Rangka Kerja Keberkesanan Daerah (DEF)
- panduan dalam pengambilan, pembangunan, pemilihan dan pengekalan pemimpin sekolah dan sistem

The OLF mengetahui tentang kepentingan perkongsian kepimpinan berfokus dan tersusun untuk mewujudkan organisasi yang lebih demokratik, menyediakan peluang yang lebih besar untuk pembelajaran dan pembangunan guru secara kolektif, dan meningkatkan kapasiti sekolah dan daerah untuk bertindak secara bijak bagi menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks. Terdapat lima teras kapasiti kepimpinan yang dicadangkan oleh penyelidik bagi kunci kemajuan pendidikan semasa. Didapati bahawa teras kapasiti kepimpinan cenderung untuk bekerja merentasi domain daripada dalam satu domain amalan kepimpinan peringkat sekolah yang disokong oleh Sumber Kepimpinan Peribadi. Lima teras kepimpinan tersebut adalah:

i. Menetapkan Matlamat

Keupayaan bekerja dengan orang lain untuk membantu memastikan matlamat adalah strategik, khusus, boleh diukur, boleh dicapai, berorientasikan keputusan, dan masa yang terikat (SMART) dan membawa kepada pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

ii. Menyelaraskan Sumber Mengikut Keutamaan

Keupayaan ini memberi tumpuan untuk memastikan pengagihan peruntukan kewangan, modal, sumber manusia, sumber kurikulum dan pengajaran, sumber program pembelajaran profesional, mengikut keutamaan yang berfokuskan pencapaian dan kesejahteraan pelajar.

iii. Mempromosikan Budaya Belajar Kolaboratif

Keupayaan untuk membolehkan sekolah, komuniti sekolah dan daerah bekerja bersama-sama dan belajar dari satu sama lain dengan memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran, pencapaian dan kesejahteraan pelajar.

iv. Menggunakan Data

Keupayaan memimpin dan melibatkan warga sekolah dalam mengumpul dan menganalisis data pelbagai peringkat seperti daerah, sekolah dan bilik darjah untuk mengenal pasti trend, kekuatan dan kelemahan untuk mengenal pasti tindakan khusus bagi penambahbaikan terutama pengajaran dan pembelajaran.

v. Komunikasi berkesan

Kapasiti untuk mencabar amalan semasa dan memupuk inovasi melalui perbualan, mendengar dan bertindak atas maklum balas, dan memberi maklum balas untuk penambahbaikan dalam pencapaian dan kesejahteraan pelajar.

c. Kompetensi Pemimpin Sekolah New York City Department of Education


Kompetensi Asas	Elemen Kompetensi
Kepimpinan Peribadi Membangunkan budaya kecemerlangan melalui kualiti kepimpinan peribadi	<ul style="list-style-type: none"> • Percaya semua pelajar boleh mencapai tahap tinggi. Nyatakan visi dan matlamat yang jelas untuk pencapaian pelajar yang tinggi. • Meletakkan tanggungjawab atas diri sendiri dan pihak berkaitan untuk pembelajaran pelajar. • Menjajarkan tingkah laku kepimpinan dengan nilai dan matlamat yang dinyatakan secara strategik untuk memacu perubahan. Membangunkan rancangan strategik dengan penyelesaian yang berkesan serta mengadaptasi dengan tepat mengikut situasi, pelanggan, dan keperluan. • Mempengaruhi orang lain untuk mencapai matlamat melalui hubungan baik berdasarkan saling menghormati, kepercayaan, dan empati. • Berkomunikasi dengan jelas dan bersesuaian. • Menunjukkan kesedaran diri dan komitmen terhadap pembelajaran berterusan dan bertindak pada maklum balas prestasi. • Menunjukkan ketabahan emosi dan bertahan dalam menghadapi halangan.
Data Menggunakan data untuk menetapkan matlamat pembelajaran yang tinggi dan meningkatkan pencapaian pelajar	<ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan keupayaan untuk memahami dan menganalisis data dari pelbagai sumber. • Menggunakan data untuk mengenal pasti trend pembelajaran pelajar, menetapkan matlamat, memantau dan mengubah arahan, dan meningkatkan pencapaian pelajar. • Membangunkan budaya dan amalan sekolah yang bergantung kepada data untuk memaklumkan pembelajaran dewasa, pembangunan profesional, dan membuat keputusan.
Instruksi Kurikulum Menguasai pengetahuan yang mendalam tentang	<ul style="list-style-type: none"> • Membangun, mengaplikasikan, dan menilai kurikulum yang ketat untuk mempercepat pembelajaran untuk semua pelajar. • Menyokong guru dalam menggunakan strategi pengajaran

<p>kurikulum, kaedah pembelajaran dan penilaian untuk meningkatkan pembelajaran pelajar</p>	<p>yang berkesan untuk memenuhi keperluan pembelajaran pelbagai pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Secara kerap menilai pembelajaran pelajar dan memastikan penyediaan maklum balas yang tepat dan tepat pada masanya kepada guru dan pelajar. • Menyelaraskan piawaian, kurikulum, strategi pengajaran, dan alat penilaian.
<p>Kakitangan dan Komuniti Membangunkan kakitangan, berkongsi kepimpinan, dan membina komuniti sekolah yang akrab</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merekrut dan memilih guru yang berkesan. • Meningkatkan pengajaran kelas dengan menetapkan jangkaan yang jelas; memerhati, membimbing, dan menilai guru berterusan. • Menyokong pembangunan semua guru. Merangsang dan mengekalkan mereka yang berprestasi tinggi, mentor kepada guru novis, mencabar yang berprestasi rendah untuk memperbaiki diri, dan mengeluarkan yang tidak kompeten. • Membina pasukan yang kuat, membangunkan kapasiti kepimpinan di kalangan kakitangan, dan berkongsi tanggungjawab dengan sewajarnya. • Menyediakan sistem bagi mempromosikan pembelajaran, membina kerjasama, dan komunikasi di seluruh sekolah. • Mendengar perkara daripada pihak keluarga, pelajar, dan komuniti secara berkesan. Melibatkan komuniti sekolah berkaitan matlamat pembelajaran secara proaktif.
<p>Sumber dan Operasi Mengurus sumber dan operasi untuk meningkatkan pembelajaran pelajar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Membangun dan menggunakan sistem dan prosedur bagi memastikan keberkesanan operasi dalam menyokong pembelajaran pelajar. • Menguruskan masa mengikut keutamaan pembelajaran pelajar bagi memastikan segala projek disiapkan. • Menguruskan peruntukan belanjawan dan sumber secara berkesan untuk menyokong matlamat pembelajaran. • Menyelaraskan pembangunan belia dan perkhidmatan sokongan di sekitar matlamat akademik.

d. Rangka Kepemimpinan Maktab Rendah Sains MARA

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) merupakan sekolah dibawah kelolaan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menggunakan kurikulum asas yang sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemimpin sekolah dilantik oleh MARA berdasarkan tiga komponen utama iaitu Keupayaan memimpin, mengurus dan instruksional (berkaitan pengajaran dan pembelajaran). Berikut adalah komponen yang diberi perhatian oleh pihak Pengurusan Sekolah Menengah Mara dalam pemilihan pemimpin sekolah.

A . KEPIMPINAN	B. INSTRUKSIONAL	C. PENGURUSAN
<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Strategik• Penerapan Nilai-Nilai• Pengukuhan Hubungan Komuniti• Komunikasi & Kemahiran Pembentangan• Kemahiran Berwawasan• Prinsip Kepimpinan• Minat Untuk Bertindak Pengurusan Organisasi	<ul style="list-style-type: none">• Kurikulum• Pengurusan Pelajar• Penilaian Taksir	<ul style="list-style-type: none">• Pengurusan Organisasi• Pengurusan Sumber Manusia• Pembangunan Staf• Pengurusan Teknologi• Pengurusan Konflik



Rajah 2: Kebolehan dan Kompetensi Pemimpin MARA

BAB 3

3.0 METODOLOGI

3.1 Pengenalan


Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kuantitatif berasaskan kaedah tinjauan. Kajian melibatkan pengetua dan guru besar di seluruh Semenanjung Malaysia. Julat masa bagi kajian Semakan semula KOMPAS bermula pada tahun 2015 hingga 2017.

3.2 Rekabentuk Kajian

Kajian semakan semula KOMPAS ini mengkaji kerelevan KOMPAS sedia ada berasaskan keperluan masa kini. Kajian ini melibatkan dua fasa. Pada fasa pertama, pengkaji mendapatkan data daripada sistem IAB yang melibatkan pengisian KOMPAS setiap tahun pada bulan Oktober – Disember untuk mengkaji analisis keperluan latihan pengetua dan guru besar. Kajian berdasarkan data sekunder ini adalah untuk melihat keperluan sebenar pengetua dan guru besar pada masa kini. Ini melibatkan data tahun 2015 sebanyak 2516 pengetua dan guru besar. Data ini juga dianalisis untuk melihat semula komponen kompetensi mengikut domain yang sedia ada.

Pada fasa kedua, berasaskan dapatan deskriptif hasil kajian keperluan awal semakan KOMPAS, maklum balas PGB terhadap keperluan kompetensi sedia ada dalam KOMPAS dan kompetensi baharu untuk keperluan semasa dan masa hadapan, digunakan untuk menyediakan satu set kompetensi baharu. Set kompetensi baharu yang disediakan kemudiannya dibincangkan sebanyak tiga pusingan dengan kumpulan yang berbeza. Pusingan terakhir digunakan untuk mendapat persetujuan terhadap dimensi dan kompetensi baharu. Kaedah kuantitatif melalui tinjauan digunakan bagi menganalisis maklum balas pemimpin sekolah terhadap tinjauan kompetensi. Tinjauan dilakukan sebanyak dua kali. Tinjauan pertama melibatkan 267 responden

menggunakan soal selidik terhadap 29 kompetensi. Tinjauan kedua menggunakan soal selidik on-line terhadap 25 kompetensi.



Rajah 3: Carta Alir Kajian

3.3 Instrumen Pengumpulan Data

Dua (2) instrumen telah digunakan untuk mengumpul data bagi analisis keperluan ini. Implikasi instrumen yang digunakan dalam kajian difokuskan kepada pemimpin sekolah. Berikut adalah perincian tentang instrumen yang terlibat.

Jadual 3.1: Perincian Instrumen

Bil	Instrumen	Sumber	Tujuan	Fokus terlibat
1	Data Sekunder KOMPAS (Lampiran B)	Sistem data maklumat IAB	Mengkaji relevansi dimensi kompetensi	Dimensi Kompetensi Pemimpin Sekolah
2	Soal selidik Kompetensi (Lampiran A)	Analisis Hasil Bengkel JPPP	Meneroka kompetensi yang baharu	Kompetensi Pemimpin Sekolah sedia ada dan baharu

3.4 Pelaksanaan Kajian

Kajian Semakan Semula KOMPAS adalah lanjutan daripada kajian awal keperluan semakan KOMPAS yang telah dijalankan pada tahun 2015. Terdapat dua fasa yang dilaksanakan. Pada fasa pertama, pengkaji memohon daripada pihak IAB menggunakan data dalam sistem atas talian berkaitan dengan KOMPAS untuk mengkaji semula data yang ada daripada segi kerelevan kompetensi dan dimensi sedia ada menggunakan analisis faktor.

Pada fasa kedua, hasil kajian awal keperluan semakan KOMPAS mendapati terdapat beberapa kompetensi yang perlu pemimpin sekolah memperoleh dalam melaksanakan tugas. Item baharu yang dikenalpasti ditambah dalam soalselidik kompetensi baharu KOMPAS dan dibincangkan dalam tiga siri bengkel yang melibatkan pelbagai pihak. Soal selidik kompetensi baharu juga turut dibuat pemurnian dari segi kesahan muka sebelum dihantar kepada tiga orang pakar untuk pengesahan konstruk. Setelah kesahan konstruk didapati dalam indeks diterima (inter-rater agreement ≥ 0.70), soal selidik ini kemudian dirintis kepada 60 orang pemimpin sekolah untuk kebolehpercayaan dan kesahan. Soal selidik ini di hantar kepada 600 orang bagi tujuan melaksanakan analisis faktor bagi mengkaji bilangan komponen/dimensi kompetensi yang baharu seiring keperluan semasa dan masa hadapan merujuk kepada maklum balas pemimpin sekolah. Faktor bagi kompetensi dan dimensi yang diekstrak keluar seterusnya dilakukan analisis faktor pengesahan.

3.5 Analisis Data

Semasa analisis data, proses pembersihan data dilaksanakan terlebih dahulu. Pelbagai analisis data digunakan. Antaranya, data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science. SPSS dan Structural Equation Modelling (SEM).

Berikut adalah perincian analisis data yang digunakan.

Jadual 3.2: Perincian Analisis

Bil	Data	Analisis	Tujuan
1	Data Soal selidik Kompetensi	Alfa Cronbach Analisis Deskriptif – mod; min	Menentukan tahap kebolehpercayaan Mengenal pasti kompetensi dan tahap keperluan pemimpin sekolah merujuk kompetensi dalam soal selidik
2	Data KOMPAS	Alfa Cronbach Analisis Faktor – Eigenvalue; matriks pola; matriks struktur; matriks korelasi	Menentukan tahap kebolehpercayaan Mengkaji bilangan komponen/dimensi kompetensi yang terdapat dalam KOMPAS merujuk kepada maklum balas semasa
3	Data KOMPAS Versi 2.0	Alfa Cronbach Analisis Faktor – Eigenvalue; matriks pola; matriks struktur; matriks korelasi Analisis Komformatori Faktor (CFA) – RMSEA; CFI; TLI; NFI	Menentukan tahap kebolehpercayaan Mengkaji bilangan komponen/dimensi kompetensi yang terdapat dalam KOMPAS Versi 2.0 merujuk kepada maklum balas pemimpin sekolah

Bab 4

4.0 PERBINCANGAN DAPATAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian dipersembahkan dan dibincangkan merujuk persoalan kajian yang diutarakan

4.1 Pengenalpastian kerelevanan dimensi dan kompetensi pemimpin sekolah KOMPAS 2008

berasaskan domain dan item KOMPAS yang dibangunkan pada tahun 2008

6 Domain	26 kompetensi
Dasar Dan Hala Tuju	Membina Visi ; Berfokus Kualiti ; Berfikiran Strategik; Proaktif
Instruksional dan Pencapaian	Orientasi Pencapaian; Pembangunan Instruksional; Perkongsian Ilmu; Berfokus Kurikulum; Penyeliaan
